

1103/2  
Bahasa Melayu  
Kertas 2  
Percubaan SPM  
September  
2012  
2 ½ jam

1-5



MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MENENGAH MALAYSIA  
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN

PEPERIKSAAN PERCUBAAN BERSAMA  
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2012

---

BAHASA MELAYU

Kertas 2

Dua jam tiga puluh minit

---

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi empat soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawapan bagi Soalan 2 (b), Soalan 2 (c), Soalan 2 (d) dan Soalan 4 berdasarkan teks Komponen Kesusastraan Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.*
4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

---

Kertas soalan ini mengandungi 10 halaman bercetak dan 2 halaman tidak bercetak.

[Lihat halaman sebelah  
SULIT]

**Soalan 1: Rumusan**

[30 markah]

*Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang peranan remaja sebagai modal insan negara dan kekangan dalam mencapainya. Panjangnya rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.*

Tahun 2012, genaplah 55 tahun kita mengecapi kemerdekaan. Namun begitu, perjuangan untuk memartabatkan kemerdekaan agar negara dapat duduk sama rendah berdiri sama tinggi dengan negara-negara maju perlu diteruskan oleh generasi muda. Orang bijaksana pernah berkata, “jika ingin melihat masa hadapan sesebuah negara, lihatlah remajanya pada hari ini”. Hal ini bermaksud bahawa remaja pada hari ini memainkan peranan yang amat signifikan dalam memacu kegemilangan sesebuah tamadun bangsa.

Remaja yang kreatif dan inovatif mampu memelihara kemerdekaan negara, sekali gus meletakkan negara *di mercu kegemilangan* di persada dunia. Oleh hal yang demikian, remaja pada hari ini perlü melengkapkan diri dengan pelbagai kemahiran insaniah. Sesungguhnya kerajaan memang menekankan kemahiran insaniah dalam kalangan remaja iaitu kemahiran berkomunikasi, pemikiran kritis, kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran kerja berpasukan, kemahiran keusahawanan, etika dan moral profesional dan kemahiran kepimpinan. Selain itu, jati diri sebagai anak Malaysia haruslah diperkuuh oleh setiap remaja. Manakala, kerajaan perlu memperbanyak latihan kepimpinan dalam kalangan remaja. Dalam hal ini, media massa turut berperanan meniupkan semangat patriotisme ke dalam diri remaja sehingga menjadikan mereka gigih belajar atau menceburi bidang keusahawanan demi kemajuan negara.

Semasa di alam persekolahan dan peringkat pengajian tinggi, remaja perlu menggunakan peluang yang ada untuk bergerak aktif sama ada dalam aktiviti kemasyarakatan, sukan ataupun kebudayaan. Hal ini akan menjadikan remaja mampu berdiri di atas kaki sendiri tanpa mengharapkan orang lain. Sebagai remaja, mereka juga perlu sensitif terhadap isu semasa yang berlaku sama ada di dalam negara maupun di luar negara.

Setelah lebih dari setengah abad negara mencapai kemerdekaan, remaja pada hari ini seharusnya lebih matang dalam mengatur setiap langkah kehidupan mereka. Keyakinan diri perlu ditingkatkan bagi merealisasikan segala impian. Ketika berhadapan dengan dunia yang kian mencabar, remaja sewajarnya mempunyai daya saing yang tinggi. Selain itu, kejayaan akademik yang cemerlang haruslah dicapai. Untuk memperkasakan remaja dalam pelbagai bidang, pelbagai geran dan kemudahan telah diberikan oleh pihak kerajaan untuk menggalakkan penglibatan remaja dalam bidang tersebut. Selain bantuan modal dan nasihat, bantuan teknikal juga turut diberikan.

**[Lihat halaman sebelah  
SULIT]**

Perkembangan teknologi maklumat turut menjadi wahana remaja untuk mengembangkan perniagaan mereka secara maya. Oleh sebab remaja pada hari ini merupakan cerminan masa hadapan negara, maka mereka perlu bertaut pada akar budaya dan bertunjangkan pegangan agama yang kukuh.

(Dipetik dan diubah suai daripada  
‘Sejarah Membina Jati Diri’  
oleh Koo Kee Ping,  
*Dewan Siswa, Januari 2009*)

**Soalan 2 : Pemahaman**

[35 markah]

**Soalan 2(a) – Petikan Umum**

Berdasarkan petikan Soalan 1, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud rangkai kata *di mercu kegemilangan*. [2 markah]
- (ii) Nyatakan usaha-usaha kerajaan untuk menggalakkan remaja menceburi bidang keusahawanan. [3 markah]
- (iii) Pada pendapat anda, bagaimakah ibu bapa memainkan peranan untuk melahirkan modal insan negara?

Jelaskan dua cara. [4 markah]

[Lihat halaman sebelah  
SULIT

**Soalan 2(b) – Petikan Cerpen**

Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

“Bapa telah melestarikan harta warisan alam,” Bakar mencelah kagum.

“Hanya dengan cara inilah bapa dapat menebus kesalahan bapa kerana pernah terlibat dalam pemusnahan hutan suatu masa dulu.”

“Bapa!” seru Melati. Suaranya penuh kasih. “Dulu bapa tidak memusnahkan hutan. Bapa cuma menolong negara melaksanakan pembangunan.”

“Ya, itulah yang bapa harapkan. Semoga bapa sudah memberikan sesuatu yang bermakna buat pembangunan.”

“Sudah tentu, bapa,” Budi pula mengiakan. “Bahkan sampai usia tua begini pun bapa masih lagi memberikan sumbangan. Lihat kawasan hutan simpan ini,” Budi mendepangkan tangan.

“Ajam, Bakar, Melati, Bidi!” Mak Tua yang sedari tadi sibuk melayan keranah cucu-cucunya ikut bercakap. “Kamu dah cari pekerja untuk menjaga dusun dan hutan ini? Sekarang ni pencuri kayu balak makin menjadi-jadi. Kalau tak dijaga, nanti habis pula kayu balak dalam hutan ini dicuri oleh mereka.”

“Dah, mak. Kami dah cari. Awal bulan depan mulalah mereka bekerja,” sahut Bakar.

“Kami rancang nak buka bidang kerja barulah, pak, mak,” ujar Melati. “Kami nak ceburi bidang pelancongan, kalau tengok keadaannya. hutan simpan bapa ini ada potensi untuk dijadikan kawasan pelancongan.”

(Dipetik daripada  
cerpen ‘Hutan Rimba’  
oleh Sasjira  
dalam antologi *Dirgahayu Bahasaku*  
Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Berdasarkan petikan di atas, nyatakan tindakan yang telah diambil oleh bapa untuk menebus kesalahannya kerana pernah terlibat dalam pemusnahan hutan pada suatu masa dahulu.

[2 markah]

- (ii) Pada pendapat anda, apakah kesan pemusnahan hutan terhadap alam sekitar?

Berikan **tiga** kesan.

[3 markah]

- (iii) Huraikan **satu** perwatakan bapa dalam petikan di atas dan **satu** perwatakan bapa yang lain daripada keseluruhan cerpen.

[4 markah]

[Lihat halaman sebelah

SULIT

**Soalan 2(c) – Petikan Prosa Klasik**

Baca petikan prosa klasik di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Dengan hal yang demikian sampailah gelung panjang itu ke Negeri Pati Talak Terengganu.

Ketika gelung panjang kenderaan Tuan Puteri Dayang Seri Jawa itu berlabuh, Tuan Puteri Pinang Masak, Puteri Uli Pati Talak Terengganu sedang *beristirahat di atas peterana* di magun. Melihatkan kesampaian gelung itu, Tuan Puteri menitahkan Si Kembang Cinanya pergi bertanyakan tentang gelung itu, tetapi Si Kembang Cina menyuruh pula Bujang Selamat pergi bertanya.

“Hai jurubatu, dari mana gelung ini datang dan apa hajat datang ke mari?”

“Kami datang dari Negeri Bandar Mengkalih hendak pulang ke Negeri Semarang di Tanah Jawa.”

“Apakah muatannya?”

“Kami belayar bukan hendak berniaga, cuma hendak meninjau kat i dan dacing, cupak dan gantang, adat resam negeri orang.”

Bujang Selamat berlari-lari pulang memberitahukan hal itu kepada baginda raja. Titah baginda, “Bagaimana hendak melihat adat resam orang kalau tidak naik ke darat? Pergilah kau sekali lagi, Bujang Selamat, tanyakan adakah mereka tahu adat orang di laut.”

Bujang Selamat pun berlari-larilah pula menuju ke gelung panjang lalu bertanyakan hal itu. Sahut Awang Sulung, “Adat di laut kami tahu: jika ada angin belayar, jika tidak berlabuh.”

“Tahukah pula encik adat orang di negeri?” Tanya Bujang Selamat.

“Tahu juga, tetapi kerana berlabuh di laut, entah apa pula pantang larangnya.”

(Dipetik daripada  
‘Pelayaran yang Penuh  
Peristiwa’  
dalam antologi *Harga Remaja*  
Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Berikan maksud *beristirahat di atas peterana*.  
[2 markah]
- (ii) Nyatakan tujuan kedatangan Tuan Puteri Dayang Seri Jawa seisi gelung ke Negeri Pati Talak Terengganu.  
[3 markah]
- (iii) Pada pendapat anda, apakah faedah yang akan diperoleh apabila seseorang itu mengembara atau melancong ke sesuatu tempat sama ada di dalam atau di luar negara.  
Kemukakan tiga pendapat anda.  
[3 markah]

[Lihat halaman sebelah  
**SULIT**

SULIT

6

1103/2

**Soalan 2(d) – Sajak**

Baca sajak di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

**DI BAWAH LANGIT YANG SAMA**

Di bawah langit yang sama  
Kita hirupi udara  
Tanpa mengira Beirutmu  
Ataupun Kuala Lumpurku  
Kita menghirup udara  
Di bawah langit yang sama.

Aku suka gerimis di Kota London  
Pernah terpesona angin dingin-tajam di Washington  
Pohon-pohon hijau atau aneka warna  
tiada bezanya.

Siapa pun menghuni Australia penghuni Afrika  
Kerana di bawah langit ini  
Kita sama.

Aku ingin menyeberangi Laut China Selatan  
Layari Lautan Teduh rentasi Laluan Sutera  
Berkongsi siang miliki malam  
Anyam cinta pelangikan zaman  
Tiupkan harapan senada  
Sesama kita - warga dunia  
Di bawah langitnya  
Yang sama.

Peta-peta itu yang memisahkan  
Jangan tutup pos sempadan  
Visa hanya keperluan rasmi seketika  
Pasport dokumen pengenalan titik mula  
Kita dakapi mimpi tak berbeza  
gapai hasrat

[Lihat halaman sebelah  
**SULIT**

SULIT

7

1103/2

Lebur kebencian kuburkan sejarah hitam  
Di bawah langit ini yang  
Sama.



**LIM SWEE TIN**  
Antologi *Dirgahayu Bahasaku*  
Dewan Bahasa dan Pustaka

- (i) Nyatakan perkara-perkara yang ingin dilakukan oleh penyajak dalam sajak di atas.  
[2 markah]
- (ii) Bagaimanakah cara untuk memupuk perpaduan dalam kalangan remaja?  
Berikan tiga cadangan anda.  
[3 markah]
- (iii) Huraikan dua nilai kemanusiaan yang terdapat dalam sajak tersebut.  
[4 markah]

**Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa**

[30 markah]

Jawab semua soalan.

- (a) Tulis satu ayat bagi tiap-tiap perkataan di bawah untuk menunjukkan bahawa anda saham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

- |             |   |        |
|-------------|---|--------|
| (i) tembok  | - | tembuk |
| (ii) telur  | - | telor  |
| (iii)tempoh | - | tempuh |

[6 markah]

- (b) Tukarkan perbualan di bawah dalam bentuk cakap pindah. Anda dikehendaki mengekalkan susunan isi dalam petikan ini.

Cikgu Idayu : Mengapakah awak tidak menghantar kerja kursus yang saya arahkan semalam?

Aina : Maafkan saya cikgu, kerja kursus saya tertinggal di rumah.

Cikgu Idayu : Awak memang banyak alasan dan selalu tidak menyiapkan tugas yang saya berikan.

Aina : Eh, tidaklah cikgu! Hanya kali ini saya betul-betul tertinggal kerja kursus itu di rumah.

Cikgu Idayu : Baiklah, saya terima alasan awak.  
Pagi esok saya mahu kerja kursus awak itu diletakkan di atas meja saya.

[6 markah]

[Lihat halaman sebelah  
SULIT

(c) Dalam setiap ayat di bawah terdapat satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Kemajuan industri pelancongan memerlukan tenaga profesional dan buruh yang banyak samada yang terlibat dengan kerja binaan mahupun pengurusan.
- (ii) Kerja-kerja mendalam Sungai Muda telah dijalankan agar dapat membantu mengatasi masaalah banjir kilat di bandar Seri Setia.
- (iii) Kerajaan Malaysia telah menghadkan kemasukan buruh asing demi kesejahteraan rakyat dinegara ini.

[6 markah]

(d) Dalam petikan di bawah, terdapat tiga kesalahan penggunaan kata atau istilah dan tiga kesalahan tatabahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada tiga kesalahan penggunaan kata atau istilah dan tiga kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

Sukan merupakan lapangan yang merangkumi semua aktiviti kecerdasan atau kemahiran dalam sesuatu permainan. Selain itu, sukan tidak sahaja menjadi medan untuk mempamerkan skil permainan atlet dalam bidang masing-masing, malahan menjadi lapangan yang dapat meningkatkan mutu permainan sesuatu pasukan. Lazimnya tiap negara mampu mengaut keuntungan yang lumayan melalui penganjuran kejohanan sukan yang bermutu dan bertaraf dunia.

[6 markah]

(e) Tulis ayat bagi setiap peribahasa di bawah supaya jelas menunjukkan maksud dan penggunaannya.

- (i) Alang-alang mandi biarlah basah.
- (ii) Belakang parang kalau diasah lagikan tajam.
- (iii) Otak cair.

[6 markah]

[Lihat halaman sebelah

**Soalan 4 : Novel**

[15 markah]

Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- (i) PAPÀ... ( akhirnya kau tewas jua! ) karya Deana Yusof
  - (ii) Melunas Rindu karya Hartini Hamzah
  - (iii) Azfa Hanani karya Halis Azhan Mohd. Hanafiah
  - (iv) Renyah karya Gunawan Mahmood
  - (v) Konserto Terakhir karya Abdullah Hussain
  - (vi) Kembara Amira karya Amer Hamzah L. Kadir
  - (vii) Kabus di Perbukitan karya Mohamad Kholid Hamzah
  - (viii) Sutera Dalam Lukisan karya Abd. Talib Hassan
- (a) Kesesuaian pemilihan judul sesebuah novel dapat dikaitkan dengan isi kandungan novel tersebut. Buktikan pernyataan di atas berdasarkan sebuah novel yang telah anda kaji.

[7 markah]

- (b) Latar memainkan peranan penting dalam sesebuah novel. Berdasarkan sebuah novel yang telah anda kaji,uraikan **tiga latar masyarakat** yang terdapat dalam novel tersebut.

[8 markah]

**KERTAS SOALAN TAMAT**